



FORUM PENGGUNA HRMIS 2010

**19 DAN 20 APRIL 2010
HOTEL EQUATORIAL, BANGI**





SESI SELARI PERBINCANGAN MODUL/SUBMODUL LNPT

Oleh :

- 1. Tuan Haji Mohd Sahar b. Md. Noor**
- 2. En. Shamsul Akmal b. Abd. Aziz**
- 3. Pn. Noriza bt. Kassim**
- 4. Pn. Norliana bt. Kamis**
- 5. Cik Haryani bt. Mohd Rasidi**
- 6. En. Mohd Mujahid Afzar bin
Kamaludin**



BIL.	PERKARA
1.	Pengenalan
2.	LOG HELPDESK - KATEGORI <i>EXPLANATION</i> DAN <i>NOT SOLVED</i>
3.	<i>FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)</i> / SOALAN LAZIM



PENGENALAN





SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN



- SPP BIL. 20 TAHUN 2008

*“PELAKSANAAN MODUL PENGURUSAN
PRESTASI, SUBMODUL LAPORAN PENILAIAN
PRESTASI TAHUNAN”*

TARIKH KUATKUASA:
20 DISEMBER 2008





KPI HRMIS 2010 – SASARAN



KERJA TAHUNAN

KEMENTERIAN/ JABATAN

KATEGORI 1

Bil.	Peratus Markah	Markah
1.	Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan	1
2.	Pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan dan Rekod Peribadi kakitangan	1
3.	Pengemaskinian Perjawatan HRMIS sama seperti maklumat MyPost (BPO, JPA)	1
4.	Pelaksanaan Submodul Perisytiharan Harta	1
5.	Pelaksanaan Modul LNPT (maklumat Sasaran Kerja Tahunan 2010)	1

KATEGORI 2

Bil.	Peratus Markah	Markah
1.	Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan	1
2.	Pengemaskinian Maklumat Profil Perkhidmatan kakitangan	1
3.	Pengemaskinian Maklumat Rekod Peribadi kakitangan	1
4.	Pengemaskinian Perjawatan HRMIS sama seperti maklumat MyPost (BPO, JPA)	2





KPI HRMIS 2010 – SASARAN



KERJA TAHUNAN

KATEGORI 1

1. Kementerian Kewangan;
2. Kementerian Dalam Negeri;
3. Kementerian Luar Negeri;
4. Kementerian Sumber Manusia;
5. Kementerian Pertahanan;
6. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
7. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi;
8. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;
9. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
10. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
11. Kementerian Pengangkutan;
12. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan;
13. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air;
14. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
15. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
16. Kementerian Pelancongan;
17. Kementerian Kerja Raya;
18. Kementerian Belia dan Sukan;
19. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
20. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
21. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
22. Jabatan Peguam Negara;
23. Jabatan Akauntan Negara;
24. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU);
25. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM);
26. Unit Perancang Ekonomi (EPU); dan
27. Jabatan Kerja Raya.



KERJA TAHUNAN

KATEGORI 2

1. Kementerian Pelajaran Malaysia;
2. Kementerian Kesihatan Malaysia;
3. Kementerian Pengajian Tinggi;
4. Jabatan Kesihatan; dan
5. Jabatan Pelajaran.



KERJA TAHUNAN

- Status pelaksanaan Modul LNPT di Kementerian dan agensi bawah kawalan / Jabatan. Penilaian markah adalah berdasarkan statistik kemasukan maklumat **Sasaran Kerja Tahunan (SKT)** 2010 kakitangan sehingga 31 Disember 2010.
- Peratus markah adalah mengikut pengkelasan seperti berikut:

Status Pengemaskinian Sasaran Kerja Tahunan (%)	Peratus Markah
<30	5
30 - 49.99	10
50 - 74.99	15
75 -100	20



LOG HELPDESK (*NOT SOLVE*)





LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	MAKLUMBALAS
1	43416	<<Nama PYD>>, No.KP XX bertugas di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Untuk makluman, CO telah mengisi bahagian Penilaian Prestasi dalam sistem HRMIS dan secara tidak sengaja telah menghantar maklumat tersebut kepada Pegawai Penilai Pertama iaitu Pn.XXX. Mengikut sistem HRMIS, bahagian Penilaian Prestasi ini diisi dan akan dihantar kepada Pegawai Penilai Pertama hanya pada hujung tahun sahaja.	MO JPA: Semakan yang dilakukan mendapati memang puan telah mengisi di bahagian II Penilaian Prestasi di ruangan Kegiatan/Sumbangan Di Luar Tugas Rasmi dan di ruangan Latihan Yang Telah Dihadiri serta di ruangan Latihan Yang Diperlukan bagi tahun penilaian 2010 dan klik Hantar kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP). Sehubungan itu sila maklumkan kepada PPP puan, dapatkan pengesahannya sekiranya terdapat rekod yang ingin ditambah dan kemudian maklumkan kepada Urusetia Panel Sumber Manusia (Urusetia PPSM) untuk tindakan merekodkan melalui peranan Urusetia.





LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	MAKLUMBALAS
2	43742	CO ingin memaklumkan,terdapat masalah apabila ingin memasuki 'Paparan format keseluruhan' di dalam menu Sasaran kerja tahunan.Bila link 'Paparan Format Keseluruhan' di KLIK , new windows akan keluar. Tetapi tiada sebarang 'content' dapat dilihat di windows tersebut. i.c co : xxxxxx-xx-xxxx Mohon semak lampiran.	MO JPA: Format Keseluruhan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) akan hanya dipaparkan sekiranya SKT tersebut di dalam status 'Disahkan'. Sehubungan itu mohon kerjasama tuan memaklumkan kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP) bagi CO tersebut mengambil tindakan mengesahkan SKT CO berkenaan.
3	43138	Terdapat masalah untuk masukkan markah LNPT bagi Pegawai yang terlibat dengan Submodul PLK. Untuk makluman CO hanya boleh mengemaskini data sejarah Pegawai yang berada di bawah Pejabat SUK sahaja. tetapi hari ini apabila CO hendak mengemaskini data pegawai dari jabatan lain error seperti di LAMPIRAN dipaparkan. Sebagai tambahan, sebelum ini CO boleh mengemaskini maklumat LNPT semua pegawai di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun dari jabatan negeri yang lain .	MO JPA: MO telah memaklumkan kepada user pada 26/3/2010, bahawa menu data sejarah LNPT kini dibenarkan menyelenggara PYD yang sedang dan pernah disandangkan di BU yang CO log in. Untuk kemasukan markah LNPT PYD dari jabatan lain boleh dibuat melalui menu urusetia PPSM (melalui modul PM)



LOG HELPDESK (*EXPLANATION*)





LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
1	37582	Masalah LNPT penilai pertama hantar tapi tak sampai ke penilai kedua. CO-xxxxxx-xx-xxxx penilai 2 & 1 – xxxxxx-xx-xxxx	Apabila disemak, CO tidak hantar lagi penilaian prestasi. Di BAHAGIAN II >> button HANTAR dipaparkan lagi, bermaksud CO tak hantar lagi Penilaian Prestasi (rujuk log37852.doc)	Mohon CO hantar penilaian prestasi.
2	37912	CO xxxxxx-xx-xxxx hantar LNPT. PPP (xxxxxx-xx-xxxx) dan PPK telah bagi markah. tetapi di menu pengurusan prestasi PPP boleh ubah semula markah yang diberikan.	Setelah disemak, didapati pegawai penilai pertama belum lagi menghantar penilaian prestasi pyd xxxxxx-xx-xxxx ke ppk, rujuk lampiran.	Mohon PPP untuk menghantar penilaian prestasi PYD ke PPK.



LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
3	37930	Masalah LNPT telah dihantar tetapi tidak sampai ke penilai pertama. CO – xxxxxx-xx-xxxx penilai pertama – xxxxxx-xx-xxxx	PPP belum menghantar Penilaian Prestasi kepada PPK.	Mohon untuk PPP untuk Hantar Penilaian Prestasi ke PPK.
4	38254	PPK tidak dapat menilai PYD. PYD xxxxxx-xx-xxxx PPP xxxxxx-xx-xxxx PPK xxxxxx-xx-xxxx	PPP telah menghantar Penilaian Prestasi PYD (xxxxxx-xx-xxxx) ke PPK (<<Nama PPK>>).	-
5	41042	Masalah skt	Berdasarkan attachment, user menggunakan character yang tidak dapat dikenali sebagai bullet. Kemungkinan user copy dari MS Word (content menggunakan format bullet) dan paste ke sistem HRMIS.	Mohon user cuba sekali lagi dengan menggunakan character dash ('-') sebagai ganti kepada bullet tersebut.



LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
6	41075	Berikut disertakan masalah berkaitan Modul Pengurusan Prestasi - Sasaran Kerja Tahunan. PYD ini telah menghantar SKT kepada PPP dan telah disahkan sebulan yang lalu tetapi apabila dibuka kembali pada hari ini maklumat SKTnya kosong. Sebagai makluman, SKT tersebut adalah SKT pada tahun 2009. PYD- <<Nama PYD>> (xxxxxx-xx-xxxx). PPP- <<Nama PPP>> (xxxxxx-xx-xxxx)	Setelah disemak dari pengkalan data hrmis tersebut pada tarikh 28/9/2009 tidak dijumpai . Fungsi audit trail akan diwujudkan pada masa akan datang bagi merekodkan sebarang aktiviti penghapusan SKT.	Mohon masukan semula SKT CO tersebut
7	41108	Apabila membuat carian CO melalui No KP, di modul LNPT , terdapat jumlah rekod 2 pada no KP yang sama tetapi jawatan sebenar yang berlainan. Jawatan sebenar bagi CO tersebut adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Gred M41/M44.	Pada carian – data sejarah sememangnya akan memaparkan semua jawatan yang berada di satu-satu agensi rasionalnya adalah untuk membenarkan pengguna memilih penyelenggaraan LNPT pada jawatan yang kehendaki	-



LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
8	41720	<p>PPP ini tidak boleh tengok paparan nama PYDnya sebanyak 29 orang tetapi tak boleh klik untuk mengambil tindakan kerana tiada link seperti dilampiran. Saya dah semak SKT PYD telah disahkan. Harap dapat semak dan maklumkan kepada saya apa masalahnya. no.ic PPP xxxxxx-xx-xxxx</p>	<p>1. <<Nama CO>> ; ICNO= xxxxxx-xx-xxxx</p> <p>CO telah hantar data penilaian prestasi 2009 kepada MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ pada 8/12/2009.</p> <p>Semakan Data Penetapan pegawai penilai : -----</p> <p>Database 28/12/2009 :</p> <p>PPP = MOHAMMAD FAIZAL BIN MARZUKI PPK = MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ</p> <p>Database 9/12/2009:</p> <p>PPP = MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ PPK = MOHAMMAD FAIZAL BIN MARZUKI</p> <p>Ini menerangkan kenapa transaksi CO di INBOX MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ. Semasa CO klik HANTAR, PPP yang disetkan adalah MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ. Oleh itu, transaksi telah dihantar kepada MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ.</p> <p>Tindakan yang perlu diambil:</p> <p>Mohon MOHD KHAIRI BIN ABD AZIZ atau WF Administrator majukan transaksi tersebut kepada MOHAMMAD FAIZAL BIN MARZUKI supaya MOHAMMAD FAIZAL BIN MARZUKI dapat hyperlink di menu Penilaian Prestasi >> Pegawai Penilai Pertama.</p>	-



LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
9	42120	CO xxxxxx-xx-xxxx telah berpindah ke pejabat daerah. Tetapi di menu urusetia panel pembangunan manusia dapat capai kerajaan pulau pinang. Sepatutnya pejabat daerah sahaja.	Didapati CO (xxxxxx-xx-xxxx) adalah seorang penilai bagi Urusetia Panel Pembangunan Manusia untuk Panel PPSM PULAU PINANG . Di mana terdapat Unit dibawahnya PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA	Mohon untuk wujudkan Panel baru dimana terdapat hanya BU yang terlibat sahaja.
10	42240	Modul LNPT-Pegawai Penilai Kedua -Tidak terdapat button hantar bagi 2 CO ini pada semua bahagian.Contoh spt di lampiran disertakan. PPK – xxxxxx-xx-xxxx - <<Nama PPK>>. CO 1 - <<Nama CO>> CO 2 - <<Nama CO>>	Berdasarkan lampiran Bahagian III tidak mempunyai butang hantar. Untuk pengetahuan pengguna ini untuk Bahagian III-VI hanya mempunyai butang simpan dan keluar sahaja bagi pemegang peranan PPK. Butang hantar hanya terdapat di bahagian IX . Sila rujuk lampiran btnHantarPPK.doc .	-



LOG HELPDESK (LNPT)

BIL	LOG	MASALAH	DIAGNOSTIC	RESOLUTION
11	42994	Masalah Pengisian SKT 2010, iaitu tidak boleh "simpan" maklumat yang telah diisi oleh CO dalam modul SKT HRMIS. Bila CO cuba simpan akan keluar mesej "Sila Masukkan Tajuk Petunjuk Prestasi". Mohon semak lampiran.	Masukkan petunjuk prestasi dahulu	-
12	43437	Menu yang bermasalah: Pentadbiran Sistem > Data Sejarah > Pengurusan Prestasi > Data Sejarah Pengurusan Prestasi LNPT > Penilaian Prestasi > Keterangan Masalah: Apabila masukkan maklumat IC PYD A, dan isikan tahun penilaian 2009 > klik butang teruskan > keluar mesej 'maklumat gred gaji Pemilik Kompetensi tidak wujud dalam modul Pengurusan Prestasi'. Semakan Profil Perkhidmatan -tarikh kuatkuasa gred gaji (item 15) CO adalah pada 5/5/2008. CO log in ID (IC): xxxxxx-xx-xxxx.	Semakan database 1 April 2010, gred Gaji CO adalah VU5-4, yang mana gred ini tidak diletakkan lagi di mana-mana kumpulan pegawai (Penetapan Kumpulan Pegawai). Minta admin set kan gred gaji VU5-4 di dalam kumpulan pegawai yang berkenaan. → Unit HRMIS perlu rujuk kepada MO JPA untuk tambahan di jadual lookup.	-



FAQ LNPT





FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Siapakah yang boleh mengisi maklumat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan bagaimana dengan Pegawai kontrak?	Semua Penjawat Awam atau Pemilik Kompetensi (Competency Owner atau CO) yang dikenali sebagai Pegawai Yang Dinilai (PYD) boleh mengisi maklumat SKT. Pegawai kontrak yang termasuk/diambil kira di dalam Waran Perjawatan boleh mengisi maklumat SKT.
2	Bagaimana saya boleh mengetahui siapa Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) saya?	PPP dan PPK akan ditentukan oleh Unit/sector atau cawangan Pemilik Kompetensi masing-masing. Pemilik Kompetensi yang mempunyai peranan sebagai Pentadbir (Performance Management Administrator) yang akan membuat kemasukan PPP dan PPK bagi setiap Pemilik Kompetensi. Setiap Pemilik Kompetensi juga perlu memastikan nama PPP adalah betul. Ianya dipaparkan di bahagian bawah skrin kemasukan SKT (User Interface – UI) masing-masing melalui submodul PM-LNPT HRMIS. Sekiranya nama PPP yang dipaparkan adalah salah, sila berhubung dengan Pentadbir di Agensi/Jabatan masing-masing.
3	Bolehkah saya mengetahui markah penilaian prestasi yang diberikan oleh PPP saya?	Markah penilaian prestasi yang diberikan oleh PPP boleh diketahui oleh PYD sekiranya PPP menggunakan kemudahan yang disediakan dalam sub modul prestasi ini iaitu dengan menandakan 'checkbox (Saya bersetuju markah dimaklumkan kepada PYD)' di Bahagian VIII-Ulasan Keseluruhan dan Pengesahan oleh Pegawai Penilai Pertama.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4	Apakah pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan SKT dan LNPT?	Pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan SKT dan LNPT yang berkuatkuasa adalah Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan) dan telah dibuat pindaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2009 (Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2009 (Borang Laporan Penilaian Prestasi Khas Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam).
5	Bolehkah saya menyimpan senarai aktiviti/projek yang dimasukkan ke dalam sistem tanpa menghantar kepada PPP saya?	Pemilik Kompetensi boleh menyimpan senarai aktiviti/projek yang dimasukkan ke dalam sistem sebelum dihantar kepada PPP supaya ia boleh dikemaskini sekiranya berlaku pindaan atau tambahan maklumat.
6	Siapakah Urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)?	Urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia ditentukan oleh agensi sendiri yang lazimnya adalah terdiri daripada personel di Unit Prestasi Bahagian Sumber Manusia dan diberi peranan sebagai Performance Management Secretariat.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7	Sekiranya saya cuti belajar, adakah saya perlu memasukkan maklumat SKT ke dalam sistem ini?	Maklumat SKT tidak perlu dimasukkan ke dalam sistem bagi Pemilik Kompetensi yang cuti belajar. Walaubagaimana pun, markah penilaian prestasi bagi Pemilik Kompetensi yang sedang cuti belajar perlu dimasukkan ke dalam sistem melalui menu Penilaian Prestasi Bagi Tempoh Berkursus yang disenggara oleh Urusetia PPSM setelah mendapat maklumbalas melalui borang/secara manual dari Pensyarah IPTA berkenaan. Submodul Pengajian Modul Pembangunan (CDP) adalah berkaitan.
8	Saya baru bertukar jabatan, bolehkah saya terus menggunakan HRMIS untuk memasukkan SKT ?	Sandangan perlu dilakukan ke Unit Organisasi atau Business Unit (BU) di jabatan yang baru terlebih dahulu sebelum diberi peranan dan capaian ke sistem HRMIS dan seterusnya perlu mendapatkan maklumat SKT di Unit Organisasi yang baru tersebut sebelum boleh memasukkan SKT.
9	Apakah maklumat yang wajib dilengkapkan oleh urusetia supaya seseorang PYD dapat menggunakan submodul SKT dan LNPT?	Maklumat Profil Perkhidmatan iaitu Skim Perkhidmatan, Kumpulan Perkhidmatan, Gred Jawatan, Gred Gaji dan Mata Gaji perlu dikemaskini ke dalam sistem HRMIS sebelum menggunakan submodul SKT dan LNPT supaya Pemilik Kompetensi atau Pegawai Yang Dinilai akan mendapat paparan borang Penilaian Prestasi mengikut kumpulan perkhidmatan yang betul/sepatutnya.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
10	Jika saya sebagai PPP, bolehkah saya menyalin SKT PYD di bawah seliaan saya untuk dimasukkan dalam SKT saya?	Pemilik Kompetensi yang diberi peranan sebagai Pegawai Penilai Pertama (PPP) mempunyai kemudahan untuk menyalin SKT Pegawai Yang Dinilai (PYD) di bawah seliaannya. SKT daripada PYD tersebut perlulah disahkan terlebih dahulu.
11	Sekiranya saya sebagai urusetia, di mana saya boleh mendapatkan semula maklumat LNPT pegawai bagi tahun-tahun terdahulu?	Urusetia PPSM boleh mendapatkan semula maklumat LNPT pegawai bagi tahun-tahun terdahulu melalui menu Data Sejarah -> Penilaian Prestasi dan memasukkan tahun yang dikehendaki. Walaupun bagaimanapun, bagi CO yang bukan urusetia PPSM (tetapi terlibat dalam proses LNPT dan diberi kebenaran untuk menyelenggara LNPT PYD) perlulah mempunyai peranan sebagai pentadbir Historical Data Administrator (Performance Management) bagi membolehkan maklumat tersebut diperolehi.
12	Di manakah saya boleh mengesahkan aktiviti/projek SKT PYD saya?	Pengesahan aktiviti/projek SKT PYD di bawah seliaan PPP boleh disahkan melalui dua (2) cara, iaitu: <ol style="list-style-type: none">Melalui peti pesanan penggunaMelalui menu SKT



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
13	<p>Apa yang perlu saya lakukan jika dalam peti pesanan saya atau melalui modul SKT saya terdapat maklumat pemberitahuan untuk mengesahkan aktiviti/projek PYD yang bukan di bawah seliaan saya?</p>	<p>Pegawai boleh mendapatkan maklumat PPP sebenar PYD tersebut daripada Pegawai Tadbir Bahagian atau Pemilik Kompetensi yang diberi peranan sebagai System Administrator (Performance Management). System Administrator (Performance Management) adalah pegawai yang memasukkan PPP/PPK bagi setiap Pemilik Kompetensi ke dalam sistem setelah mendapat maklumat daripada unit/sektor/cawangan (BU) Pemilik Kompetensi berkenaan. Seterusnya, hantarkan maklumat tersebut (yang di dalam peti pesanan) kepada PPP yang sebenar.</p>
14	<p>Sekiranya saya sebagai Pentadbir Sistem di agensi, di mana saya boleh mengetahui fungsi bagi setiap peranan yang terdapat dalam sistem?</p>	<p>Pentadbir Sistem di agensi akan dibekalkan Panduan/Manual Pengguna semasa sesi taklimat/demo modul yang berkenaan daripada Pemilik Modul melalui Urusetia Sektor Pembangunan dan Perhubungan Pelanggan .</p>
15	<p>Saya sebagai urusetia, bolehkah saya mendapatkan maklumat bagi pegawai yang sudah menghantar SKT dan pegawai yang belum menghantar SKT mereka?</p>	<p>Urusetia boleh mengeluarkan laporan berbentuk senarai dan statistik bagi Pemilik Kompetensi yang sudah atau belum menghantar SKT melalui menu Lampiran-Lampiran Kertas Pertimbangan Panel Sumber Manusia di dalam submodul LNPT.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
16	PYD saya tidak mengisi maklumat SKT, bolehkah saya membuat penilaian LNPT beliau?	Setiap PYD hendaklah mengisi maklumat SKT dan menghantar SKT tersebut untuk disahkan oleh PPP terlebih dahulu. Sistem hanya akan mewujudkan/mencipta Penilaian Prestasi PYD setelah PYD 'klik' butang Hantar.
17	Berapakah jenis laporan yang terdapat dalam sub modul LNPT untuk kegunaan urusetia dan panel penilai?	Terdapat 23 jenis Laporan disediakan di dalam submodul LNPT mengikut format Urusetia Panel Sumber Manusia Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perkhidmatan Awam.
18	Bolehkah saya menilai prestasi PYD saya untuk tahun 2009 melalui submodul LNPT ini sekiranya saya bercuti belajar pada awal Julai 2009?	Tempoh Julai hingga Disember adalah mencukupi enam (6) bulan bagi membolehkan PPP yang baru menilai PYD yang di bawah seliaan Pemilik Kompetensi yang sedang bercuti belajar. Walaubagaimana pun, Sektor/Cawangan/Bahagian atau Unit Organisasi boleh menentukan siapa PPP yang berhak menilai PYD tersebut.
19	Bolehkah saya menilai prestasi PYD saya di jabatan lama setelah saya berpindah ke jabatan baru?	Peranan sebagai PPP/PPK di jabatan baru perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum boleh menilai PYD di jabatan lama sekiranya masih ditetapkan sebagai PPP/PPK kepada PYD di jabatan lama.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
20	Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut berhubung penggunaan submodul SKT dan LNPT ini?	Sebarang bantuan dan maklumat lanjut berkaitan submodul SKT dan LNPT boleh berhubung dengan Pemilik Modul (MO) di Unit Prestasi, Sektor Aplikasi Sumber Manusia 1, Bahagian Pengurusan Maklumat atau pihak Helpdesk HRMIS JPA melalui telefon atau e-mail yang boleh didapati dari laman web JPA.
21	Adakah SKT yang dicadangkan gugur oleh PYD boleh di hapuskan?	SKT yang dicadang untuk digugurkan jika klik butang simpan akan mempunyai status 'Cadangan Digugurkan' dan kotak untuk 'check box' akan di dim' kan. Ini bermakna SKT yang telah dicadang untuk digugurkan tidak boleh dihapuskan sehingga dihantar (klik butang hantar). Apabila PPP mengesahkan, SKT tersebut akan dimasukkan ke dalam SKT yang Digugurkan.
22	Bolehkah SKT yang telah diluluskan oleh PPP dikemaskini oleh PYD?	Ya, SKT yang telah disahkan (Status dari 'Memerlukan Pengesahan' -> 'Disahkan') masih boleh dikemaskini oleh PYD. Status SKT 'Disahkan' akan menjadi 'Memerlukan Pengesahan' semula bagi membolehkan PPP mengesahkan semula SKT tersebut selepas PYD klik butang hantar.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
23	Apakah maksud tanda (**) apabila status SKT disahkan?	Tanda (**) menunjukkan status SKT tersebut telah disahkan lebih dari sekali.
24	Untuk LNPT, kenapa No. KP CO akan berada pada ruangan No. KPT apabila CO ingin memaparkan LNPT yang telah dihantar. Apakah maksud KPT itu?	No. KPT adalah merujuk kepada Nombor Kad Pengenalan Terperinci iaitu nombor. K/P yang mempunyai 12 digit. Untuk pengetahuan, CO yang lahir sebelum tahun 1978 mempunyai dua (2) nombor kad pengenalan (No.K/P lama yang mempunyai tujuh (7) atau lapan (8) digit dan No. KPT).
25	Berapakah aktiviti/program yang boleh dimasukkan ke dalam submodul SKT?	Bilangan aktiviti/ program yang dimasukkan ke dalam sistem adalah tidak terhad. Walaubagaimana pun, hanya 300 aksara sahaja yang boleh ditaip untuk setiap aktiviti/program.
26	Adakah PPK boleh meminda markah penilaian prestasi yang diberikan oleh PPP kepada PYD?	Tidak. PPK tidak boleh meminda markah penilaian prestasi yang telah diberikan oleh PPP kepada PYD.
27	Mengapa maklumat latihan di LNPT dijadikan perkara mandatori (wajib diisi sekurang-kurangnya satu hari kursus)?	Maklumat latihan di LNPT (Bahagian II) adalah perkara mandatori kerana ianya mengambil kira Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
28	Adakah PYD boleh membuat pindaan selepas menghantar LNPT kepada PPP?	Tidak. PYD tidak boleh membuat apa-apa pindaan selepas menghantar LNPT kepada PPP. Oleh itu, PYD hendaklah memastikan maklumat adalah betul sebelum menghantarnya kepada PPP.
29	Adakah sub modul ini mengambilkira PYD yang hanya mempunyai satu PPP sahaja contohnya seperti Personal Asistant (PA)?	Ya. Sub modul LNPT ini telah mengambilkira keperluan PYD yang hanya mempunyai satu PPP sahaja.
30	Adakah markah yang diberikan oleh PPK boleh dipinda selepas menghantar kepada urusetia?	Tidak. Markah yang diberikan oleh PPK tidak boleh dipinda selepas dihantar kepada urusetia.
31	Adakah markah purata boleh dilihat oleh PPK? Siapakah yang boleh melihat dan meminda markah purata?	Tidak. Markah purata seseorang PYD tidak boleh dilihat oleh PPK dan hanya Urusetia sahaja yang boleh melihat dan meminda markah purata tersebut.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
32	Adakah PPP atau PPK boleh memberikan markah yang mempunyai perpuluhan?	Dalam sub modul LNPT ini, PPP dan PPK tidak boleh memberikan markah yang mempunyai perpuluhan. PPP dan PPK hendaklah memilih markah daripada drop-down list yang disediakan.
33	Bolehkah PYD memilih samada agensi lama atau baru untuk dinilai prestasi tahunannya kerana bertukar pada bulan Jun?	Dari segi prinsip, sewajarnya penilaian prestasi dibuat di agensi terkini.
34	Mengapa ketika proses memindahkan format cetakan Surat Pergerakan Gaji dari PDF atau Excell didapati ada nama pegawai yang tercicir?	Terdapat nama pegawai yang tercicir ketika proses memindahkan format cetakan Surat Pergerakan Gaji dari PDF atau Excell kerana julat markah yang dimasukkan tidak mengambil kira dua(2) titik perpuluhan. Untuk mengelakkan nama dari tercicir julat cetakan perlu dimasukkan sehingga dua(2) titik perpuluhan contohnya 85.99 hingga 99.99.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
35	Bagaimanakah status LNPT bagi PYD yang telah mengemukakan LNPT ke PPP tetapi PPP telah putus sandang kerana bertukar keluar?	Bagi PPP yang telah putus sandang dan bertukar ke agensi yang menggunakan HRMIS, penetapan PPP tidak perlu dipinda sekiranya PPP masih menilai PYD di bawah seliaannya kerana Submodul LNPT akan mengikut CO berdasarkan COID/No.Kad Pengenalan. Tetapi bagi PPP yang telah putus sandang dan bertukar ke agensi yang tidak menggunakan HRMIS, Urusetia perlu cetak borang LNPT dan hantar ke agensi baru supaya PPP boleh menilai secara manual.
36	Sebagai Urusetia PPSM kenapa saya tidak menerima mesej pemberitahuan berkenaan status penghantaran LNPT CO kepada Urusetia?	Ini kerana nama Urusetia berkenaan tidak termasuk di dalam Kumpulan Aliran Kerja Urusetia menyebabkan beliau tidak menerima pemberitahuan melalui inbox.
37	Sekiranya saya sebagai urusetia, bagaimana saya hendak memasukkan data sejarah bagi CO yang tiada mempunyai SUMBANGAN DAN KEGIATAN LUAR SERTA LATIHAN?	Dalam menu Data Sejarah, fungsi mandatori tidak berfungsi dan urusetia hanya perlu klik butang Simpan.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
38	Bagaimana saya sebagai urusetia hendak memasukkan data sejarah bagi CO yang mempunyai satu penilai sahaja seperti PA?	Pihak Urusetia perlu memasukkan markah yang sama bagi kedua-dua ruangan iaitu ruangan PPP dan PPK. Markah yang dipaparkan tidak mempengaruhi markah purata.
39	Jika dalam menu Data Sejarah, Kotak Mandatori perlu ditandakan atau tidak?	Dalam data sejarah, kotak mandatori tersebut perlu ditandakan dan seterusnya Klik butang Simpan. Ini menandakan Penilaian Prestasi PYD tersebut telah disahkan. Walaubagaimanapun dalam menu data sejarah ruangan mandatori ini tidak berfungsi kerana ianya bukan melalui proses. Tetapi adalah lebih sesuai ditandakan.
40	Sekiranya saya sebagai PPP, adakah di Bahagian VIII-Ulasan Keseluruhan & Pengesahan oleh Pegawai Penilai Pertama wajib diisi jika saya memberi markah LNPT 90 atau ke atas.	Mengikut kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/2009, jika PPP dan PPK memberi markah 90 dan ke atas kepada PYD di bawah seliaannya, ulasan tersebut dijadikan mandatori untuk diisi sebelum dihantar kepada PPK atau Urusetia.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
41	Sekiranya saya dah masukkan markah atau pembetulan markah pada data sejarah, adakah markah mereka telah dikemaskini?	<p>Pada menu data sejarah untuk membolehkan markah purata dikira semula , ikuti langkah-langkah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pada paparan Jumlah Markah Keseluruhan, masukkan nilai 0 pada Markah Purata (%) (Untuk diisi oleh urusetia PPSM).2. Klik butang SIMPAN untuk mengesahkan semula markah keseluruhan, markah purata akan dikira semula. <p>Pengguna juga boleh mendapatkan rujukan fail mengenai langkah di atas daripada pihak HRMIS Helpdesk.</p> <p><u>Rujukan fail:rujukan-1 markahpuratadatasejarah.</u></p>
42	Bagi CO yang memperolehi markah 90% ke atas, apakah terdapat Borang Aktiviti Penghasilan Nilai yang perlu diisi oleh PYD di dalam aplikasi.	<p>Tiada. Merujuk kepada SPP Bilangan 2 Tahun 2009, PPP dan PPK hendaklah menyatakan dalam ulasan mereka terhadap penghasilan nilai yang dihasilkan oleh PYD yang melayakkan pegawai berkenaan menerima penilaian cemerlang 90% dan ke atas.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
43	Sekiranya LNPT PYD telah dihantar ke PPK melalui PPP, PPP kemudiannya diarahkan oleh PPK untuk mengubah semula markah yang diberi kepada PYD, adakah terdapat fungsi atau taticara tersebut.	Tiada. Submodul LNPT adalah sehalal di mana pengguna tidak boleh meminda markah selepas dihantar kepada PPK. Sebarang markah atau penyalarsan markah adalah diperingkat urus setia atau panel. PPP boleh menghantar memo secara rasmi kepada urus setia untuk membuat perubahan markah kepada PYD tersebut.
44	Bagi LNPT yang perlu dinilai oleh satu PPP/ PPK sahaja, contohnya Pembantu Khas kepada ketua jabatan, bagaimana cara pembahagian markah bagi CO terbabit.	Untuk kes PYD yang mempunyai seorang pegawai penilai, urus setia perlu menetapkan PPP dan PPK kepada orang yang sama di menu selenggara penetapan pegawai penilai. Pemberian markah hendaklah sama di menu PPP dan PPK.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
45	<p>PYD telah hantar LNPT kepada PPP A, kemudian telah ditukarkan kepada PPP B, walaubagaimanapun PPP B dan A tidak menerima LNPT PYD. Adakah setelah kemukakan LNPT tidak boleh menukar PPP atau PPK. Perkara ini banyak berlaku kerana menukar pegawai penilai disaat akhir sama ada telah hantar LNPT dan PPP telah menilai.</p>	<p>Boleh. Tetapi setelah PYD hantar ke PPP A dan PPP A terima LNPT PYD, PPP A perlulah <i>forward</i>/ dimajukan tindakan tersebut melalui peti pesanan untuk tindakan PPP B (atau sesiapa yang berkenaan) seterusnya.</p> <p>Jika PPP A tidak menerima LNPT PYD, ini kemungkinan PPP telah bertukar/bersara/meninggal dunia , sistem tidak dapat mencari CO tersebut kerana PPP telah diputuskan sandang di HRMIS. Sebarang masalah lanjut mohon hubungi HRMIS Helpdesk untuk tindakan selanjutnya.</p>
46	<p>Sekiranya PPP sudah menghantar LNPT PYD kepada PPK, adakah cara-cara untuk membolehkan PPP menukar semula markah tersebut?</p>	<p>Tiada. Submodul LNPT adalah sehalu di mana pengguna tidak boleh meminda markah selepas dihantar kepada PPK. Sebarang markah atau penyelarasan markah adalah diperingkat urus setia atau panel. PPP/PPK boleh menghantar memo secara rasmi kepada urus setia untuk membuat perubahan markah kepada PYD tersebut.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
47	Bagaimana sekiranya PPP tersilap memberi markah kepada PYD?	<p>Submodul LNPT adalah sehala di mana pengguna (PPP) tidak boleh meminda markah selepas dihantar kepada PPK. Sekiranya PPP ingin membuat sebarang perubahan pada markah yang telah diberikan kepada PYD, PPP boleh memaklumkan markah tersebut kepada Urusetia PPSM untuk dibuat perubahan markah pada menu Data Sejarah (walaupun bagaimanapun, perkara ini adalah tidak digalakkan). Seterusnya, bagi memastikan markah purata (pada menu Data Sejarah) dikira semula, ikuti langkah berikut :</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pada paparan Jumlah Markah Keseluruhan, masukkan nilai 0 pada Markah Purata (%) (Untuk diisi oleh urusetia PPSM).2. Klik butang SIMPAN untuk mengesahkan semula markah keseluruhan, markah purata akan dikira semula.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
48	<p>Pada paparan Jumlah Markah Keseluruhan, terdapat markah yang berjumlah besar (cth: 200.23 atau 100.03 dll), apa yang perlu dilakukan?</p>	<p>Bagi tindakan pertama, perlu buat semakan dan pembetulan pada <i>regional setting PC user</i> dengan langkah-langkah seperti berikut:</p> <p>Control Panel >> Regional and Language Options >> di tab 'Regional Options' klik butang 'Customize' >> di tab 'Numbers' >> set 'Decimal symbol' kepada . (dot) dan 'Digit grouping symbol' kepada , (comma). >> klik 'Apply' >> klik 'OK'.</p> <p>Kemudian refresh semula INBOX dan cuba transaksi yang ingin dilaksanakan.</p> <p>Sekiranya perkara tersebut masih berlaku, perlu dibuat aduan kepada HRMIS Helpdesk untuk tindakan selanjutnya.</p>
49	<p>Bagaimana ingin mengisi maklumat tarikh latihan yang telah dihadiri pada Bahagian II LNPT sekiranya di jabatan/kementerian mempunyai perancangan seperti latihan atau sesi pembelajaran selama 6 jam = 1 hari?</p>	<p>Pada Bahagian II LNPT maklumat kursus yang telah dihadiri, tarikh tersebut adalah merujuk kepada tarikh sebenar kursus atau latihan yang diadakan tanpa mengambilkira perancangan seperti yang dinyatakan.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
50	Sekiranya PPK ingin bersara pada bulan Oktober bagi tahun tertentu, adakah PYD di bawahnya perlu menghantar LNPT?	Ya. Pekeliling perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, para 10(v) adalah dirujuk, iaitu "Ketua Jabatan hendaklah: mengarahkan pegawai penilai yang akan bertukar ke jabatan lain, bersara atau meletak jawatan, menyediakan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dengan serta merta bagi Pegawai Yang Dinilai di bawah penyeliaan mereka jika tempoh penyeliaan mereka tidak kurang 6 bulan".
51	PYD telah menghantar LNPT kepada PPP, tetapi PPP tidak mendapat maklumat tersebut. Apakah yang perlu dilakukan?	Untuk tindakan pertama, perlu dipastikan bahawa pada Bahagian II LNPT PYD, PYD telah membuat pengesahan dengan menanda pada kotak checkbox dan butang HANTAR tidak lagi terpapar pada paparan tersebut. Sekiranya perkara di atas telah disemak - PYD telah menanda checkbox dan butang HANTAR tidak lagi terpapar, minta menghantar aduan ke HRMIS Helpdesk untuk tindakan selanjutnya.
52	PPP/ PPK hendak menilai PYD, markah telah diisi tetapi butang SIMPAN untuk menyimpan markah tersebut tiada. Apakah tindakan yang perlu dilakukan?	Untuk tindakan pertama, perlu buat semakan pada resolution PC user. Ikuti langkah berikut: Pada desktop PC user > right klik > Properties > Settings > Screen Resolution > boleh diubah kepada resolution yang lebih besar > klik Apply > OK. Sekiranya masalah masih berlaku, minta menghantar aduan ke HRMIS Helpdesk untuk tindakan selanjutnya.



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
53	Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2009 bertajuk Pemantapan Pengurusan Sistem Penilaian Prestasi Pegawai Perkhidmatan Awam berkenaan Penjelasan Pemberian Markah Penilaian Prestasi 90% dan ke atas, di paparan manakah perlu diberikan penjasakan tersebut?	Sekiranya PPP/PPK memberikan PYD markah 90% dan ke atas, penjelasan tersebut boleh diisi pada ruangan ulasan oleh PPP dan PPK. Ruangan tersebut adalah mandatori sekiranya PPP/PPK telah memberikan markah 90% dan ke atas kepada PYD.
54	Bagaimana untuk membuat perubahan pada aktiviti SKT yang telah disahkan oleh Pegawai Penilai?	<p>Pengguna boleh terus membuat pindaan pada aktiviti SKT tersebut dan klik butang SIMPAN. Aktiviti SKT tersebut akan berubah status kepada status DRAF dan aktiviti tersebut perlu dihantar kepada Pegawai Penilai semula untuk disahkan.</p> <p>Pengguna boleh mendapatkan rujukan fail mengenai perkara ini daripada pihak HRMIS Helpdesk.</p> <p>Rujukan fail:rujukan-2_ubahstatusSKT</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
55	Bagaimana untuk menghapuskan aktiviti SKT yang telah disahkan?	<p>Aktiviti yang telah disahkan bermaksud telah mendapat maklum atau pengesahan daripada Pegawai Penilai. Hanya aktiviti SKT yang berstatus DRAF sahaja yang boleh dihapuskan. Untuk menukar status aktiviti daripada DISAHKAN kepada DRAF, pengguna perlu membuat sedikit pindaan pada aktiviti SKT tersebut dan klik butang SIMPAN.</p> <p>Pengguna boleh mendapatkan rujukan fail mengenai perkara ini daripada pihak HRMIS Helpdesk.</p> <p><u>Rujukan fail:rujukan-3 hapusaktivitiSKT</u></p>
56	Apakah jenis-jenis fail yang tidak dibenarkan diupload di dokumen sokongan SKT?	<p>Jenis-jenis fail yang tidak dibenarkan diupload adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Fail .exe2. Fail .msi3. Fail .bak



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
57	<p>Sekiranya PYD hanya ada satu pegawai penilai sahaja, adakah urusetia boleh membuat penetapan Pegawai Penilai Pertama sahaja atau WAJIB melengkapkan penetapan Pegawai Penilai Kedua.</p> <p>Example:</p> <p>PYD =Aida Izrin binti Mohd Ramly PPP= Mohamad Elias Abu Bakar PPK= Mohamad Elias Abu Bakar</p> <p><u>ATAU</u></p> <p>PYD =Aida Izrin binti Mohd Ramly PPP= Mohamad Elias Abu Bakar PPK= Dibiarkan kosong (Tidak ditetapkan)</p> <p>Mana satu penetapan yang betul. Pohon pandangan.</p>	<p>Aliran Kerja modul Penilaian Prestasi adalah dari PYD --> PPP --> PPK. Oleh itu bagi PYD yang hanya mempunyai seorang pegawai penilai, perlu ditetapkan (set) PPP dan PPK adalah orang yang sama supaya melengkapkan aliran kerja dan sempurna sampai kepada Urusetia.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
58	<p>Masalah kemaskini maklumat LNPT CO di data sejarah LNPT.</p>  <p>Selepas klik teruskan, keluar ralat</p> 	<p>Semakan Profil Perkhidmatan CO A telah dilakukan dan didapati tarikh mula beliau ditempatkan di gred M52 ialah mulai 01/01/2010. Oleh itu sistem memaparkan mesej 'Ralat: Kumpulan Perkhidmatan tidak ditemui' apabila Urusetia cuba memasukkan Data Sejarah LNPT bagi tahun 2007.</p> <p>Mohon kemaskini tarikh beliau disandangkan ke gred M52 tersebut samada mulai 01/01/2010 atau pada 1/11/1999 seperti maklumat di Selenggara Sandangan.</p> <p>Lampiran.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
59	<p>Seorang pegawai PPP atau PPK yang berstatus Contract For Services (CFS) perlu untuk menilai PYD di bawahnya. Walaubagaimanapun, PPP atau PPK tersebut tiada maklumat di HRMIS. Jika dibuat secara separuh sistem/separuh manual, kemudian, urusetia boleh memasukkan maklumat tersebut melalui data sejarah tetapi maklumat PPP atau PPK (bahagian 8 dan bahagian 9) tersebut juga tiada maklumat.</p> <p>Pohon pandangan dan penjelasan bagi perkara ini.</p>	<p>Status pegawai CFS adalah bukan pegawai awam dan mereka tidak tertakluk kepada Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam. Sehubungan dengan itu, pegawai CFS tidak perlu mengisi LNPT dan mereka tidak boleh dilantik sebagai PPP dan PPK.</p>



FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
60	<p>Dimaklumkan bahawa Kementerian Kerja Raya mempunyai perjawatan KADER yang ditempatkan di lain-lain Jabatan/ Kementerian di seluruh negara. Sehubungan itu, pihak Kementerian memohon penjelasan daripada pihak HRMIS, JPA tentang status pelaksanaan modul Laporan Nilain Prestasi Tahunan bagi pegawai-pegawai KADER tersebut, samada di bawah tanggungjawab Kementerian ini ataupun Jabatan/ Kementerian di mana mereka ditempatkan.</p> <p>Justeru itu juga, diharapkan pihak tuan dapat menjelaskan kedudukan perjawatan KADER di dalam pengiraan KPI HRMIS bagi Kementerian ini</p>	<p>Pengiraan KPI HRMIS bagi Submodul LNPT bagi pegawai-pegawai Kader yang ditempatkan di Kementerian/Jabatan lain tidak termasuk di bawah penilaian KPI HRMIS untuk Kementerian Kerja Raya. Perkara ini juga terpakai bagi penilaian untuk Submodul Perisytiharan Harta. Ini disebabkan pegawai-pegawai tersebut berada di Business Unit (BU) di luar KKR/agensinya. Justeru, kedudukan perjawatan Kader di dalam pengiraan KPI HRMIS adalah di bawah Kementerian/Jabatan di mana mereka ditempatkan.</p>





FAQ (LNPT)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
61	Semasa penyelenggaraan LNPT PYD di data sejarah LNPT, terdapat masalah pada Bahagian I – Maklumat Pegawai “ Tiada rekod pemilik kompetensi pada tahun xxxx”. Apa yang perlu disemak ?	Semakan perlu pada sandangan dan profil perkhidmatan CO. Rujukan adalah seperti di lampiran .



DEMO MODUL

**** Jika berkaitan...**





TERIMA KASIH

